



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(UTMSPACE)

Rujukan Kami : USB.01/09.04/19.11/1/27jld6(70)

1 September 2014

DEAN

FACULTY OF COMPUTER SCIENCE &
INFORMATION TECHNOLOGY
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Edan

PROF. MADYA DR. ABDULLAH GANI
DEKAN
FAKULTI SAINS KOMPUTER &
TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR



TAWARAN MENYERTAI SEMINAR SETIAUSAHA SUPER ANJURAN UTMSPACE

Sukacita dimaklumkan bahawa UTMSPACE adalah sebuah organisasi Penyediaan Latihan Kelas A yang berdaftar dengan PSMB. Sehubungan dengan itu, kami berbesar hati menjemput penyertaan daripada pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk menyertai **Seminar Setiausaha Super 2014 'Menjana Minda Setiausaha Berkarisma'** sepertimana berikut :

SEMINAR SETIAUSAHA SUPER 2014

'Menjana Minda Setiausaha Berkarisma'

30 September – 2 Oktober 2014 | Premiera Hotel, Kuala Lumpur

Yuran penyertaan sepertimana berikut :

- ☐ **RM900.00 seorang** (Tanpa Penginapan)
- ☐ **RM1,400.00 seorang** (Dengan Penginapan – Bilik Berkembar)
- ☐ **RM1,600.00 seorang** (Dengan Penginapan – Bilik Perseorangan)
- ☐ ***RM500.00 seorang untuk 20 orang penyertaan** (Tanpa Penginapan)
(Tertakluk kepada satu organisasi yang sama sahaja)

Seminar Setiausaha Super 2014 ini menjanjikan kelainan daripada seminar yang lain kerana pendekatan yang digunakan lebih kepada program berbentuk ilmu. Dengan barisan penceramah yang terkenal dan berpakaran dalam bidang berkaitan akan memantapkan lagi pengisian Seminar tersebut. Seminar ini merupakan kesinambungan modul bagi peserta yang pernah mengikuti Bengkel Setiausaha Super anjuran UTMSPACE. Malah ianya tidak terkecuali kepada **peserta baru yang ingin sertai sama**. Program ini terbuka kepada semua yang berminat. Jangan lepaskan peluang ini dengan harga istimewa yang kami tawarkan. Hubungi segera urusetia berikut untuk maklumat lanjut.

Urusetia : **Puan Mai / Puan Faniza / Cik Rafidah**

Emel : **maizatul@utmspace.edu.my/faniza@utmspace.edu.my/rafidah@utmspace.edu.my**

No. Tel : **012-7456818/07-5215166/07-5218164/07-5218170**

No. Faks : **07-5211355/07-5205725**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

Wajil

NOOR AZIDAH BINTI AHMAD

Pengurus

Unit Pembangunan Profesional

UTMSPACE

☎ : 07-5215208/5166

☎ : 07-5211355

Ma



School of Professional and Continuing Education (UTMSPACE)

Universiti Teknologi Malaysia, 34-50, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor, Malaysia

☎ : +607-5212000

☎ : +607-5205725

✉ : enquiry@utmspace.edu.my

PENGENALAN

SEMINAR SETIAUSAHA SUPER 2014 ini menjanjikan kelainan daripada seminar lain kerana pendekatan yang digunakan lebih kepada program berbentuk ilmu. Seminar ini diwujudkan sebagai kesedaran kepada para peserta tentang cara pelanggan dan orang awam menilai jenama dan reputasi majikan dan syarikat melalui keterampilan seseorang setiausaha. Seminar ini antara lain merupakan kesinambungan modul bagi peserta yang pernah menghadiri Bengkel Setiausaha Super anjuran UTMSPACE. Malah ianya juga tidak terkecuali kepada peserta baru yang ingin sertai sama. Kandungan seminar juga disusun bagi memahirkan para peserta untuk membina imej yang lebih berpengaruh serta profesional malah peserta juga diberi pendedahan mengenai teori penulisan RINTAS di mana peserta juga dapat memantapkan kemahiran pengambilan nota menggunakan kependekkan perkataan yang pantas, tepat dan betul. Semoga seminar ini dapat membantu para peserta untuk mendalami dan menghayati tugas dan peranan seorang setiausaha selain meningkatkan keperibadian serta personaliti sebagai SETIAUSAHA SUPER! yang dikagumi kerana mampu melaksanakan dan menyelesaikan segala tugas dengan efisien dan cemerlang.

TENTATIF PROGRAM

HARI PERTAMA (30 September 2014 | Selasa)

03.00 ptg	Pendaftaran Peserta & Check In Penginapan
08.30 - 10.30 mlm	Majlis Makan Malam - Gemerlapan Bintang Bersama Artis Jemputan – SHAHIR - Pencarian MR/ MISS ELEGANCE - Cabutan Bertuah

HARI KEDUA (1 Oktober 2014 | Rabu)

08.00 - 08.30 pg	Pendaftaran Peserta
08.30 - 10.00 pg	Bengkel Setiausaha Super (Lanjutan) 'Pemantapan Imej, Etiket & Komunikasi' (Oleh : Puan Maryanni Masarip)
10.00 - 10.15 pg	Minum Pagi
10.15 - 12.30 tgh	Sambungan - Bengkel Setiausaha Super (Lanjutan) 'Pemantapan Imej, Etiket & Komunikasi' (Oleh : Puan Maryanni Masarip)
12.30 - 02.00 ptg	Makan Tengahari & Solat
02.00 - 04.30 ptg	Sambungan - Bengkel Setiausaha Super (Lanjutan) 'Pemantapan Imej, Etiket & Komunikasi' (Oleh : Puan Maryanni Masarip)
04.30 ptg	Minum Petang/Aktiviti Bebas
07.00 - 08.00 mlm	Makan Malam
08.00 - 08.30 mlm	Pendaftaran Peserta
08.30 - 10.30 mlm	Sesi Motivasi Bersama Dr. Hj. Tengku Asmadi
10.30 mlm	Minum Malam

HARI KETIGA (2 Oktober 2014 | Khamis)

08.00 - 08.30 pg	Pendaftaran Peserta
08.30 - 10.00 pg	Preview 'Pengenalan Kepada Penulisan RINTAS' (Oleh : Puan Siti Khalijah Majid)
10.00 - 10.15 pg	Minum Pagi
10.15 - 11.30 pg	Sambungan - Preview 'Pengenalan Kepada Penulisan RINTAS' (Oleh : Puan Siti Khalijah Majid)
11.30 - 12.30 ptg	Majlis Penutup & Sesi Penyampaian Sijil
12.30 ptg	Makan Tengahari & Check-Out Bilik Penginapan

OBJEKTIF

- Mendedahkan aspek penampilan yang dinilai bagi mengukur jenama sesebuah organisasi.
- Mengenalpasti peranan dan tanggungjawab seorang setiausaha yang HEBAT.
- Melahirkan setiausaha yang dikagumi kerana kerja dan komitmen dan ketertiban semasa menjalankan tugas.
- Memberikan motivasi kepada para peserta agar menjadi pekerja yang sentiasa bersemangat untuk memberikan yang terbaik kepada organisasi.
- Melatih kemahiran-kemahiran penting untuk mengurus penampilan dalam keadaan formal, semi kasual dan santai.

SASARAN PESERTA

Setiausaha Eksekutif, Setiausaha Pejabat, Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Khas, Pembantu Tadbir, Kerani, Penolong Eksekutif, Pengurus Perhubungan Pelanggan, Pegawai dan individu yang berminat.

DR. HJ. TENGKU ASMADI TENGKU MOHAMAD

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Sumber Mineral. Setelah tamat pengajian, beliau sempat bertugas di SEDC Kuala Terengganu selama 6 bulan di bahagian geologi dan carigali serta terlibat dengan penemuan emas di Rusila pada tahun 1989. Setelah itu, beliau menyambung pelajarannya di University of Queensland, Brisbane, Australia pada tahun 1989 hingga 1993 dan menerima Ph.D dalam bidang Kejuruteraan Perlombongan pada tahun 1994. Pada tahun 1994 dan 1995 beliau berkhidmat sebagai pensyarah di kampus Cawangan Kejuruteraan USM di Tronoh, Perak (yang kini telah diambil oleh Universiti Teknologi Petronas, UTP). Pada November 1995, beliau telah meletakkan jawatannya sebagai pensyarah Universiti dan memulakan syarikat latihannya sendiri. Beliau adalah Pengasas kepada Kursus Motivasi Alihan Pelajar yang telah melahirkan lebih daripada 100,000 pelajar dan menjalankan kursus hampir setiap minggu sehingga ke hari ini. Merupakan seorang Public Speaker dan motivator yang sering diundang oleh pihak radio dan televisyen antaranya ialah TV1, TV3, TV9, NTV7, TV Bernama, Astro Awani, Astro Oasis dan TV Alhijrah. Beliau sering ke udara radio seperti radio IKIM FM, Kedah FM dan banyak lagi. Beliau juga seorang penulis dan artikel tulisan beliau sering diterbitkan oleh Harian Metro, Majalah Ibu Bapa, Mingguan Wanita, RAPI, iluvislam, Majalah ANIS, Harmoni dan sebagainya. Dua buah buku karangan beliau ialah Motivasi Alihan Pelajar dan teknik Motivasi Alihan Pelajar dan Teknik Memotivasikan ANak Cara Positif, telah diterbitkan oleh PTS Millennia Sdn. Bhd.



MARYANNI MASARIP

Puan Maryanni Masarip, lebih dikenali dengan nama Puan Mary, merupakan seorang Perunding Imej (Certified Image Consultant, CIC, diiktiraf oleh Poise Image International, Singapore), Konsultan Kerjaya bertauliah (Certified Career Coach, CCC, diiktiraf Expert Rating, U.S.A) dan Trainer Bertauliah di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan Kementerian Sumber Manusia Berhad dan Kementerian Sumber Manusia. Beliau merupakan ahli profesional kepada Professional Association of Resume Writers dan Career Coaches (PARWCC) – sebuah badan antarabangsa yang berprestij dalam bidang konsultansi kerjaya; ahli profesional kepada Association of Image Consultants International (AICI) – sebuah pertubuhan perunding imej antarabangsa yang berkaliber dan dianggotai oleh perunding imej profesional seluruh dunia; serta ahli Biro Latihan dan Bina Insan, Pertubuhan Perunding Latihan dan Motivasi Muslim Malaysia (TAMRIN). Beliau dikenali dengan pendekatan yang praktikal, bersahaja namun bertena dalam penyampaian. Beliau menitikberatkan interaksi bersama peserta dan memiliki karakter yang amat menyenangkan.



SITI KHALIJAH BINTI MAJID

Beliau merupakan Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat, UiTM Pahang. Berpengalaman lebih 23 tahun mengajar program Kesetiausahaan dan Pengurusan Pejabat. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia (UPM), Ijazah Sarjana Muda Pendidikan/Pengurusan (Toledo, Ohio), Diploma Kesetiausahaan Eksekutif (ITM). Mempunyai kepakaran dalam bidang Pengurusan Pejabat dan Kemahiran Pejabat.



BORANG PENDAFTARAN

Untuk pengesahan pendaftaran, sila isi borang ini beserta bayaran

SILA TANDAKAN PADA RUANGAN KOTAK :

- ☐ YA! Sila daftarkan peserta-peserta berikut untuk kursus ini.
- ☐ Saya Berminat tetapi tidak dapat turut serta. Sila maklumkan kursus yang akan datang

Peserta Baru : ☐

Pernah menyertai Bengkel Setiausaha Super Anjuran UTMSPACE pada tahun :

2011 ☐ 2012 ☐ 2013 ☐ 2014 ☐

MAKLUMAT KURSUS :

Nama Kursus : **SEMINAR SETIAUSAHA SUPER**
"Menjana Minda Setiausaha Berkarisma"

Tarikh : **30 September - 2 Oktober 2014**

Tempat : **Premiera Hotel, Kuala Lumpur**

Yuran : ☐ **RM 900.00** seorang (tanpa penginapan) ☐ **RM 1,400.00** seorang (penginapan (berkembar) - 3hari 2malam) ☐ **RM 1,600.00** seorang (penginapan (perseorangan) - 3hari 2malam)

Termasuk minum pagi & petang, makan tengahari & malam, bahan kursus, kit pendaftaran dan sijil penyertaan

MAKLUMAT PESERTA YANG MENGHADIRI KURSUS :

No.	Nama Peserta & No. Tel	E-mel	No. Kad Pengenalan (utk tuntutan PSMB)	Yuran (RM)

(Sila buat senarai tambahan jika perlu)

Jumlah

PEMBIAYAAN : ☐ Tajaan Sendiri ☐ Tajaan Syarikat / Organisasi

MAKLUMAT INDIVIDU / ORGANISASI (Untuk tujuan pengeluaran invoice) :

Organisasi : _____

No. Pend. Sykt * : _____ *Jika berkenaan

Alamat : _____

Pegawai Dihubungi : _____

Telefon : _____ Jawatan : _____

No. Faksimili : _____ E-mel : _____

Pembatalan penyertaan yang diterima secara bertulis 30 hari sebelum program ini bermula layak menerima pembayaran balik, tertakluk kepada 15% yuran pembatalan. Pembatalan yang diterima kurang daripada 14 hari dari tarikh program ini tidak layak menerima pembayaran balik. Walau bagaimanapun, peserta gantian dialu-alukan.

Sila maklum, walaupun senarai penceramah dan tajuk ini disahkan betul pada masa percetakan, keadaan di luar kawalan penganjur mungkin memerlukan penggantian atau pembatalan penceramah dan / atau tajuk. Oleh itu, UTMSPACE berhak untuk meminda atau mengubah suai senarai yang telah diiklankan.

Tandatangan Pengesahan* : _____

Nama : _____

*Ketua Jabatan / Pengurusan Atasan

Tarikh : _____

Jawatan : _____

Cop Syarikat

PEMBAYARAN

A. Cek Berpalang (Cek Peribadi tidak diterima) atau Draf Bank

No. Cek / No. Draf Bank : _____

Bank/ Cwgn : _____

Cek berpalang/ bank draf hendaklah dikemukakan kepada **UTMSPACE | Nombor Akaun : 8601518228**
Nama Bank : CIMB Islamic Bank Berhad | Cawangan : UTM Skudai, Johor

B. Pindahan Telegrafik / Pesanan Kerajaan

Tarikh Urusniaga : _____

Nombor Rujukan : _____

| Tertakluk kepada terma dan syarat |

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI

UNIT PEMBANGUNAN PROFESIONAL, Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (UTMSPACE)
No.34-50, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor Bahru, Johor

Tel : 012-7456818 / 07-5215166 | Faks : 07-5211355 | Portal : www.utmSPACE.edu.my

Email : maizatul@utmSPACE.edu.my / faniza@utmSPACE.edu.my / rafidah@utmSPACE.edu.my | Pegawai dihubungi : Pn. Mai/Pn. Faniza/Cik Rafidah